

UMS terima 4,576 pelajar baharu sesi 2022/2023

UB 12.10.2022 P.04

Turut merangkumi tawaran prasiswazah laluan khas UMS, iaitu sebanyak 2,480 bagi pelajar B40

KOTA KINABALU: Seramai 4,576 pelajar ditawarkan melanjutkan pengajian ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi kemasukan sesi 2022/2023 yang akan mendaftar pada 10 dan 11 Oktober 2022.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Kasim Hj Mansor berkata, jumlah tersebut merangkumi 2,770 pelajar dari Sabah, 1,144 dari Semenanjung Malaysia, 582 Sarawak, dan 57 Wilayah Persekutuan Labuan.

“Seramai 23 pelajar selebihnya merupakan pelajar antarabangsa dari enam buah negara, iaitu Bangladesh, Brunei, China, Hongkong, Japan dan Thailand.

“Ia juga merangkumi tawaran prasiswazah laluan khas UMS iaitu sebanyak 2,480 bagi pelajar B40, lapan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU), lima atlet sukan, dan lapan orang asli,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas membuat tinjauan



PRIHATIN: Kasim mendengar kata-kata pelajar baharu yang mendaftar bagi sesi 2022/2023 kelmarin.

pendaftaran pelajar di sini, kelmarin.

Menurut Kasim, pada pengambilan pelajar kali ini UMS turut menjadi salah sebuah universiti perintis yang terlibat dalam Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

“Program ini merupakan hasil cetusan idea Menteri KPT, Dato’ Seri Dr. Noraini Ahmad bagi membantu pelajar

khususnya individu pertama dalam keluarga daripada golongan B40 untuk ke menara gading agar kejayaan mereka dapat dijadikan motivasi keluarga dan komuniti setempat.

“Di pihak UMS kita telah menawarkan 10 pelajar melalui program SULUNG ini yang mana setiap mereka turut menerima biasiswa, elaun bulanan, asrama dan pentutoran sehinggalah mereka mendapat pekerjaan kelak,” katanya.

Dalam pada itu, Kasim



TURUN PADANG: Kasim membuat tinjauan sekitar proses pendaftaran pelajar baharu sesi 2022/2023.

turut memaklumkan bahawa bagi mereka yang memerlukan, kelonggaran boleh diberikan untuk menangguhkan pembayaran yuran kepada semester hadapan.

“Kita faham, masih ramai

keluarga yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan kini masih dalam proses penstabilan ekonomi isi rumah.

“Bagi tujuan penanguhan bayaran, mereka boleh

memaklumkan kepada Bahagian Kewangan Pelajar UMS dan kemudian mendaftar seterusnya mengikuti pengajian dalam bidang yang ditawarkan,” katanya.

Untuk rekod, kesemua

pelajar baharu akan tinggal di kolej kediaman dan mengikuti Minggu Suai Mesra (MSM) sehingga 14 Oktober sebagai persiapan bagi menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan kampus.